

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 35

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah persediaan pihak Kementerian serta pihak sekolah terhadap silibus atau modul pelajaran berkaitan proses pilihan raya susulan pindaan had umur mengundi yang telah diturunkan kepada 18 tahun menjelang tahun persekolahan 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited untuk memberi pengetahuan dan kesedaran kepada murid-murid sebagai persediaan menjadi pengundi apabila berumur 18 tahun. KPM juga telah memasukkan tajuk dan kandungan yang berkaitan dengan pilihan raya dalam kurikulum Sejarah yang sedang dilaksanakan pada masa kini. Tajuk ini diajar kepada murid secara berbeza-beza mengikut aras dan tahap keupayaan murid sama ada di peringkat rendah atau menengah. Melalui pelaksanaan Pendidikan Sivik, KPM juga memberi pendedahan kepada murid tentang literasi politik pengundi muda dengan membincangkan beberapa tajuk seperti Sistem Demokrasi Berparlimen, Pemupukan Jati Diri, Sistem Raja Berperlembagaan, Rukun Negara, Semangat Patriotik dan Cintai Malaysia.

Selain daripada pendedahan melalui kurikulum dan kokurikulum, murid juga akan terlibat dengan pemilihan ketua murid melalui model ala pilihanraya. KPM dengan kerjasama Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menjalankan sesi sindikasi dan simulasi pemilihan ketua murid melalui mekanisme pilihanraya sebagai projek rintis di sekolah. KPM berpandangan pelaksanaan model pilihanraya yang dikendalikan oleh SPR perlu disesuaikan dengan skop dan tujuan proses pemilihan ketua murid sekolah.

Dapatan program rintis tersebut dijadikan asas kepada penyediaan garis panduan pelaksanaan proses pilihanraya di sekolah bagi tujuan pemilihan ketua murid. Bagi tujuan tersebut, KPM akan mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) baharu yang akan memberikan kebenaran kepada pihak sekolah memperluas penggunaan “speakers corner” sebagai platform calon pengawas murid mempromosi keupayaan diri dan memberarkan proses pemilihan ala pilihanraya di sekolah. SPI baharu ini akan membatalkan SPI Bil. 5 Tahun 2010 yang melarang pilihanraya diadakan di sekolah bagi tujuan pemilihan ketua murid.

Sekian, terima kasih.